


Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Firdaus memenangi acara _____
 lembing pada peringkat daerah baru-baru ini.
 A melontar C membaling
 B melempar D merejam

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah ini.



2. Ibu _____ tangan adik ketika melintas jalan.
 A menghimpit C menuntun
 B memimpin D menarik
3. Kak Niza mencuci ikan siakap itu menggunakan air asam jawa supaya tidak berbau _____.
 A hanyir C hancing
 B tengik D hapak
4. Senarai nama ahli rumah sukan telah ditampalkan _____ papan kenyataan sekolah.
 A atas C kepada
 B pada D daripada

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

5. Pihak urusan syarikat multinasional itu
 A B
 telah menyatakan persetujuan untuk
 menaikkan gaji pekerja bermula pada
 C
 tahun hadapan. Tiada kesalahan.
 D
6. Junaidah berusaha untuk melupakan
 A
 kejadian yang menimpa dirinya setelah
 B
dinasihati oleh ibunya. Tiada kesalahan.
 C D

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Setiap *alamat* menunjukkan bahawa dialah yang mencuri wang itu.
 II "*Alamat*, dia telah makan nasi yang basi itu!" kata Kak Long.
 III Bunyi guruh itu seolah-olah memberikan *alamat* bahawa hujan akan turun.
 IV *Alamat* rumah yang tertera pada sampul surat itu tidak jelas.



- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
8. I Abang memang *kuat* makan.
II Tok Wan masih *kuat* walaupun usianya sudah menjangkau lapan puluh tahun.
III Almari yang diperbuat daripada kayu itu *kuat* buaatannya.
IV Hujan *kuat* sejak pagi tadi telah menyebabkan banyak kawasan dinaiki air.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Cadangan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kantin sekolah saya akan panjangkan pada pihak atasan pada minggu hadapan.
A akan saya panjangkan kepada
B saya akan memanjangkan pada
C akan saya memanjangkan kepada
D saya akan panjangkan pada
10. Doktor itu mengambil masa kira-kira dua setengah jam supaya merawat mangsa kemalangan tersebut.
A kira-kira setengah dua jam supaya
B kira-kira dua jam setengah untuk
C kira-kira dua tengah jam untuk
D kira-kira dua setengah jam supaya

Soalan 11 – 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

11. I Kejayaan yang saya capai ini adalah dorongan daripada kedua ibu bapa saya.

- II Perpustakaan Awam Negeri Kedah akan dianjurkan pertandingan bercerita bersempena dengan Kempen Dekad Membaca pada bulan hadapan.
III Bantuan pakaian dan makanan telah diberikan kepada mangsa-mangsa kebakaran itu.
IV Adik berlari-larian mengejar kupu-kupu yang berterbangan di halaman rumah.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

12. I Keropok ini adalah pengeluaran sebuah anak syarikat milik usahawan tempatan.
II Tabiat menghormati orang yang lebih tua perlu dipupuk oleh ibu bapa sejak kecil lagi.
III Ibu memasak kari kepala ikan untuk para tamu yang bertandang ke rumah.
IV Kenaikan harga petrol akan menyebabkan orang ramai menghadapi masalah kenaikan harga barang.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Seperti si buta mendapat tongkat

13. Peribahasa di atas membawa maksud
A membuat sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh.
B bersikap sombong setelah memperoleh sesuatu.
C melakukan sesuatu perbuatan yang merugikan diri sendiri.
D sengaja mencari masalah yang akan